

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN  
DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[TASEK GELUGOR]  
TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019

**SOALAN NO. 526**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah menjalankan kajian yang lebih terperinci terhadap keberkesanan sosioekonomi seperti peningkatan pendapatan penduduk setempat atau peningkatan pelancong dengan adanya cadangan memperkenalkan teksi air di negeri Pulau Pinang, jika ada mohon pihak Kementerian nyatakan hasil kajian tersebut kepada umum.

**JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan belum menerima sebarang cadangan berhubung penggunaan teksi air di negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan menggalakkan penggunaan perkhidmatan teksi air (*Catamaran Boat*) bagi menggantikan sebahagian daripada perkhidmatan feri di Pulau Pinang yang menghubungkan antara Pengkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth dan Pengkalan Raja Tun Uda di Georgetown.
2. Dengan pengwujudan perkhidmatan teksi air ini, ianya akan memberi alternatif mod pengangkutan kepada penduduk dan pelancong di negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.